

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, August 23, 2019 9:47 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MoU UUM-DreamEDGE Bangunkan Modal Insan Dalam Era IR 4.0



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OGOS 2019 / 22 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MoU UUM-DreamEDGE BANGUNKAN MODAL INSAN DALAM ERA IR 4.0



UUM ONLINE: Cyberjaya - Dalam kepesatan perkembangan teknologi dalam Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), kerjasama antara universiti dan industri memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM dengan DreamEDGE Sdn. Bhd. telah diadakan di iTech Tower, semalam.

Pemeteraian MoU itu disempurnakan Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan Ketua Pegawai Eksekutif DreamEDGE Sdn. Bhd., Khairil Adri Adnan.

Naib Canselor berkata, UUM tidak mahu ketinggalan untuk menjalinkan kerjasama erat dengan industri walaupun berada jauh di Sintok agar hasrat universiti untuk melahirkan modal insan yang mampu menyumbang kepada negara dapat direalisasikan.

Menurutnya, selain industri, warga universiti khususnya akademik juga harus bersama-sama menyumbang untuk membangunkan UUM bukan sekadar dalam bidang industri elektronik pengkomputeran atau sebagainya tetapi melahirkan modal insan pada masa hadapan seiring dengan IR 4.0.

Katanya, sebagai universiti pengurusan yang menfokuskan kepada bidang pengurusan, UUM kini mahu menjadi sebuah universiti yang menfokuskan 'managing industry'.

"Oleh itu, saya mahu merapatkan jurang yang nyata antara pihak industri dan akademik demi masa depan, tambahan hubungan akademik dan industri bukan sesuatu yang baharu.

"Selain itu, universiti juga perlu mempersiapkan mahasiswa dengan kepakaran yang ada untuk masa hadapan yang lebih cemerlang," katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UUM dan DreamEDGE Sdn. Bhd.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, beliau mahu membuktikan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bahawa UUM sebagai universiti pengurusan kini mampu untuk menguruskan teknologi sedia ada dengan membawa UUM ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Katanya, beliau berharap warga universiti dapat melihat masa hadapan dan bukan sekadar bercakap tentang akademik sahaja tetapi mempersiapkan modal insan yang mana graduan dilahirkan kelak mampu memberi sumbangan kepada negara.

MoU antara UUM dengan DreamEDGE Sdn. Bhd. ini akan memberi fokus dalam meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R & D) serta Inovasi produk dan proses bagi kedua-dua belah pihak.

Sementara itu, Khairil Adri berkata, beliau berbesar hati apabila dapat bekerjasama dengan UUM bagi membangunkan modal insan yang mana tujuan utama penubuhan DreamEDGE juga adalah untuk membangunkan modal insan.

Menurutnya, dengan modal insan yang betul dibangunkan, seseorang itu mampu untuk menghasilkan apa juga yang diinginkan.

"Justeru, saya amat mengalukan kerjasama UUM untuk sama-sama membuktikan kita masih relevan dalam industri untuk bangunkan modal insan yang diperlukan pemain industri di luar sana.

"Saya hanya perlukan komitmen UUM untuk bekerjasama dan cuba masukkan elemen industri dalam universiti dari aspek kepantasan, kualiti dan komitmen yang mana sudah pasti ia akan membantu menjadikan nama UUM terkenal," katanya.

Tambah beliau, pihaknya sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan UUM dan jika kerjasama dijalinkan dengan lebih erat akan mampu menghasilkan sesuatu yang baik.

Menurutnya, beliau juga bersedia untuk mewujudkan makmal DreamEDGE di UUM bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D), selain menerima pelajar UUM yang ingin menjalankan latihan industri di situ termasuk penempatan pensyarah di industri.

Pada majlis sama turut menyaksikan Khairil Adri menerima watakah pelantikan sebagai Felo Adjung Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) bagi tempoh dua tahun mulai Julai 2019 hingga Jun 2021.

Sebelum itu, Naib Canselor dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) berpeluang melihat demonstrasi prototaip kereta pintar DreamEDGE, seterusnya melawat sekitar pejabat



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.